

24/04/2002

Proton Waja Eksekutif guna enjin V6

BUAT kali pertama, orang ramai khususnya pengunjung pameran Minggu Saham Nasional Malaysia (MSAM) 2002 berpeluang melihat model baru kereta Proton Waja Eksekutif yang masih belum dilancarkan.

Model dengan kapasiti 2.5 liter menggunakan enjin V6 itu nyata menarik minat pengunjung walaupun tanpa kehadiran petugas Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) untuk memberi penerangan.

Difahamkan, kereta itu masih di peringkat pengenalan dan menunggu lampu hijau daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan menutup MSAM pada Jumaat ini, untuk dilancarkan ke pasaran.

Berikutan itu, Proton tidak meletakkan petugas di kawasan pamerannya di MSAM, sekali gus hanya memberikan peluang pengunjung melihat saja model terbaru itu tanpa mengetahui spesifikasinya.

Sebelum ini, semua model baru kereta nasional hanya ditunjukkan kepada orang ramai selepas majlis pelancarannya.

Model dengan badannya yang lebih panjang sedikit daripada Proton Waja yang berada di pasaran itu, boleh dikategorikan sebagai kereta mewah.

(END)